



JABATAN HUTAN SARAWAK

# BULETIN:

## INTEGRITI

## & AUDIT DALAM

VERSI TAHUN 2024



# ISI KANDUNGAN



## PERUTUSAN KETUA UNIT INTEGRITI & AUDIT DALAM



06

## MESEJ INTEGRITI – KETIDAKHADIRAN BERTUGAS





## SEKSYEN AUDIT DALAM



## MESEJ INTEGRITI - KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS



44

EXCLUSIVE COVERAGE

PENUTUP

46

# PERUTUSAN

## *Datu Haji Hamden Bin Haji Mohammad* Pengarah Hutan Sarawak

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam hutan untuk kesejahteraan.

Tatakelola yang baik merupakan tunjang kepada keberkesanan dan integriti sesebuah organisasi. Bagi Jabatan Hutan Sarawak, pelaksanaan tatakelola yang mantap memastikan setiap tindakan, keputusan dan perancangan dibuat dengan penuh ketelusan, akauntabiliti dan berpandukan undang-undang serta dasar yang telah ditetapkan.

Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Jabatan adalah langkah strategik untuk memastikan segala urusan jabatan berada dalam keadaan teratur, tersusun dan sempurna. Jawatankuasa ini berperanan sebagai mekanisme kawalan dalaman yang memantau pematuhan prosedur, memperkuuhkan pengurusan risiko serta memastikan sumber manusia dan kewangan digunakan dengan optimum.

Dengan adanya tatakelola yang baik, kita dapat memelihara kepercayaan awam terhadap keupayaan jabatan melindungi dan mengurus khazanah hutan Negeri Sarawak, menjamin integriti pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dengan profesional dan amanah meningkatkan keberkesanan operasi melalui proses kerja yang sistematik dan berlandaskan piawaian terbaik dan memastikan kelestarian sumber melalui pengurusan yang telus dan berdasarkan data serta bukti saintifik.

Oleh itu, sebagai warga Jabatan Hutan Sarawak, kita mesti berganding bahu untuk menjadikan tatakelola ini bukan sekadar dokumen atau prosedur tetapi satu budaya kerja yang sebatи dalam setiap tindakan dan keputusan. Hanya dengan integriti dan disiplin tinggi, kita mampu membawa jabatan ini terus maju sebagai agensi perhutanan yang disegani di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.



# PERUTUSAN

*Encik Abdul Wahab bin Haji Ahmad*

Ketua Unit Integriti dan Audit Dalam



Salam Integriti dan Salam Sarawakku Sayang,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat kurniaan-Nya, saya diberi ruang dan peluang untuk menyampaikan amanat dalam penerbitan Buletin IIA edisi 2024.

Objektif penerbitan buletin ini adalah untuk menyediakan platform perkongsian maklumat mengenai aktiviti, program, dasar, serta inisiatif integriti yang dilaksanakan oleh jabatan selain menyebarluaskan pengetahuan dan kefahaman berkaitan integriti, tadbir urus yang baik, dan pencegahan rasuah dalam kalangan warga Jabatan Hutan Sarawak.

Pelbagai cabaran, halangan dan rintangan yang telah kita lalui pada tahun 2024 yang pastinya menguji kesabaran dan kemahiran pemikiran dan tindakan kita. Setiap kejayaan yang dicapai adalah kejayaan bersama yang boleh dijadikan pembakar semangat untuk terus maju ke depan. Setiap kegagalan yang berlaku bukanlah sebab untuk berhenti dan berputus asa malah ia dijadikan pengajaran berguna untuk semua.

Sempena menyambut tahun baharu, marilah kita bersama-sama menghayati dan mengamalkan nilai-nilai integriti yang telah dipelajari, seterusnya menjadikannya budaya berterusan dalam diri, khususnya dalam perkhidmatan awam. Usaha ini penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan menepati hasrat serta kriteria yang ditetapkan, sekali gus menjadikan penjawat awam terus dihargai, dihormati dan disegani. Pada masa yang sama, marilah kita terus bermuhasabah dan memperbaiki kelemahan diri.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buletin ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Mudah-mudahan segala perancangan dan usaha kita pada masa mendatang mendapat rahmat dan keredhaan Allah SWT, seterusnya menjadi asas kepada kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

## KETIDAKHADIRAN BERTUGAS



### PERINTAH-PERINTAH AM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, 1996

#### **Perintah Am 171**

Perintah Am ini mentakrifkan "ketidakhadiran" sebagai kegagalan untuk hadir pada waktu dan tempat yang ditetapkan untuk menjalankan tugas, termasuk ketidakhadiran tanpa cuti atau kebenaran.

#### **Perintah Am 153 (4)**

Seseorang pegawai tidak boleh –

- ... (a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan persendirianya.
- ... (j) tidak hadir bertugas tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah.

#### **Tanggungjawab Pegawai :**

Pegawai perkhidmatan awam Negeri Sarawak hendaklah bertanggungjawab untuk hadir tepat pada masanya dan menjalankan tugas yang diamanahkan.

#### **Kesan Ketidakhadiran :**

Ketidakhadiran tanpa kebenaran boleh disifatkan sebagai salah laku atau pelanggaran tatatertib yang menyebabkan seseorang pegawai awam dibuang kerja atau diturunkan pangkat.



# 01 SEKSYEN INTEGRITI



# **TAHUKAH KITA ???**

## **MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK)**

Selaras dengan Pekeling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2024 “ Arahan YAB Perdana No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional : Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, peranan dan fungsi Jawatankuasa Antirasuah (JAR) telah ditukar ganti kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) dengan penyesuaian pelaksanaannya diperingkat Negeri Sarawak.

Terma rujukan bagi JTK adalah berdasarkan empat (4) terma rujukan iaitu :

- a) Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang.
- b) Sistem dan Prosedur Kerja.
- c) Pemantauan dan Penilaian.
- d) Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik.

Kekerapan Mesyuarat JTK adalah tiga (3) kali setahun iaitu pada bulan Mac, Julai dan Oktober.

### **KEANGGOTAAN JTK PERINGKAT JABATAN HUTAN SARAWAK**

Pengerusi	:	Pengarah Hutan Sarawak
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Pengarah
Setiausaha	:	Ketua Unit Integriti dan Audit Dalam
Ahli Jawatankuasa	:	Ketua-ketua Bahagian Ketua-ketua Unit Pegawai-pegawai Hutan Wilayah Pegawai Undang-undang Pegawai Audit Dalam Pegawai Komunikasi Korporat Ahli-ahli Lain Mengikut Keperluan
Urusetia	:	Seksyen Integriti, Unit Integriti dan Audit Dalam

# **MS ISO 37001:2016**

## **ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)**

Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 3 Tahun 2019 – “Garis Panduan Pelaksanaan MS ISO 37001:2016 Anti-bribery Management System (ABMS) Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak”.

ABMS diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2016 bagi memantapkan tadbir urus dan membantu sektor awam, swasta dan entiti bukan berdasarkan keuntungan melaksanakan langkah sewajarnya untuk mencegah jenayah rasuah dalam agensi.


MS ISO 37001 merupakan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi **mengesan, mencegah, mengendali, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik pengurusan antirasuah** secara lebih berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah di mana-mana organisasi.

MS ISO 37001 turut diperkenalkan bagi membuktikan kepada pihak berkepentingan (*stakeholders*) bahawa amalan dan inisiatif anti-rasuah yang mencukupi telah dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Pada Oktober 2021, Jabatan Hutan Sarawak telah ditawarkan oleh Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) untuk menyertai projek rintis Kerajaan Negeri Sarawak bagi MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System (ABMS)* bersama 5 lagi agensi lain iaitu Jabatan Premier Sarawak (JPS), Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Regional Corridor Development Authority (RECODA) dan Sarawak Forestry Corporation (SFC).




*Majlis Pelancaran Kick Off Pelaksanaan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) pada 03 Februari 2022.*



# SKOP DAN SKOP PERSEMPADANAN ABMS JHS

Skop ABMS JHS Adalah seperti berikut:

- i. Permohonan lesen.
- ii. Permohonan *Permit to Enter Coupe* (PEC).
- iii. Penilaian Royalti Kayu Balak.
- iv. Aktiviti Penguatkuasaan Ordinan Hutan, 2015 & Lain-lain Peraturan Hutan.
- v. Perkhidmatan Sokongan Korporat.



# **AUDIT SIRIM PERINGKAT 1**

## **MS ISO 37001:2016**

### **ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)**



Proses pengauditan Stage 1 Audit oleh pihak auditor SIRIM QAS International Sdn Bhd telah diadakan pada 05 – 06 September 2023 bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Hutan Sarawak.



# **AUDIT SIRIM PERINGKAT 2**

## **MS ISO 37001:2016**

### **ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)**

Jabatan Hutan Sarawak telah melalui Audit SIRIM Peringkat 2 bagi MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) pada 15-19 April 2024 bertempat di Ibu Pejabat Hutan Sarawak dan Pejabat Hutan Wilayah Kapit serta di FOSCC Melatai, Kapit. Seramai lima orang auditor SIRIM terlibat di dalam pengauditan ini.



Proses pengauditan ini penting bagi memastikan pematuhan Jabatan Hutan Sarawak di dalam pelaksanaan ABMS dilakukan dengan sewajarnya sebelum dipersijilkan dengan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS).



# **OBJEKTIF & PENCAPAIAN**

## **ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM**

### **JABATAN HUTAN SARAWAK**

Jabatan Hutan Sarawak (JHS) menyasarkan

**“Toleransi Sifar Terhadap Rasuah**

**(Zero Tolerance Towards Corruption)**

dalam perkhidmatan. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, JHS memberi penekanan kepada objektif ABMS seperti berikut:

**01**

#### **Kajian Semula Oleh Pengurusan**

Pengurusan Tertinggi JHS membuat pemantauan pelaksanaan ABMS melalui mesyuarat kajian semula pengurusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JHS bagi memastikan kawalan pengurusan antirasuah di JHS dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada sekurang-kurangnya sekali setahun.

**02**

#### **Pelaporan OACP JHS**

Pengurusan Tertinggi JHS membuat pemantauan pelaksanaan inisiatif OACP bagi mencegah dan membanteras gejala rasuah melalui pelaporan di Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JHS secara berkala tiga (3) kali setahun.

**03**

#### **Pelaporan Aduan**

Seksyen Integriti, Unit Integriti dan Audit Dalam membuat pelaporan aduan daripada pelbagai medium dan tindakan tatatertib kepada pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat JTK JHS secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

**04**

#### **Program Kesedaran**

Seksyen Integriti, Unit Integriti dan Audit Dalam (Seksyen Integriti) mengadakan kursus/ taklimat / hebahan berterusan sekurang-kurangnya satu kali setahun berkaitan tatakelakuan dan rasuah bagi meningkatkan nilai integriti warga JHS.

**05**

#### **Perlafazan Ikrar Integriti**

Seksyen Integriti, Unit Integriti dan Audit Dalam mengkompil dan membuat pelaporan berkenaan perlafazan dan pengisian ikrar integriti JHS dengan sasaran pengisian adalah 100% setiap tahun kepada pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat JTK JHS secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

# MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) JABATAN HUTAN SARAWAK TAHUN 2024



Selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun bertarikh 26 Mac 2024, Kerajaan Sarawak telah bersetuju untuk menggunakan Arah YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional : Penubuhan Jawatankuasa Tatakelola Di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan dengan penyesuaian perlaksanaannya di peringkat Negeri Sarawak.



Bertitik tolak daripada pekeliling tersebut, Jabatan Hutan Sarawak telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JHS Bilangan 1 Tahun 2024 pada 31 Julai 2024.

	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) JHS</b>	<b>Tarikh</b>
01	JAR JHS Bil. 1	19.03.2024
02	JTK JHS BIL. 1	31.07.2024
03	JTK JHS BIL. 2	07.11.2024

## PENCAPAIAN *ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)*

OACP JHS 2021-2025

OACP JHS 2021-2025 mempunyai 60 inisiatif yang terdiri daripada 4 bidang keutamaan:



Pada 23-24 November 2022 yang lalu telah diadakan satu Bengkel Semakan Semula OACP JHS yang dihadiri oleh kakitangan daripada bahagian-bahagian yang terlibat. Hasil daripada bengkel tersebut, 39 inisiatif akan terkandung di dalam OACP JHS 2021-2025 versi semakan semula yang mana 17 inisiatif lama telah digugurkan, 12 inisiatif telah dipinda, 2 inisiatif baru dibentuk manakala 8 inisiatif telah dikenalkan.



Setakat Suku ke-4 tahun 2024, OACP JHS 2021-2025 versi semakan semula telah mencapai peratusan inisiatif selesai sebanyak 92% yang mana 30 inisiatif telah selesai, 8 inisiatif dalam proses dan 1 inisiatif belum bermula.



## STATISTIK PENERIMAAN ADUAN INTEGRITI

Jabatan Hutan Sarawak telah menggunakan Polisi Pemberi Maklumat Pindaan 02 berkuatkuasa pada 08 Oktober 2024.

Jumlah keseluruhan aduan yang diterima dari tahun 2021 sehingga tahun 2024 adalah sebanyak 11 aduan.

TAHUN	JUMLAH ADUAN
2021	3
2022	3
2023	2
2024	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>11</b>



**SALURAN ADUAN**

- BERSEMUKA
- integritihs@sarawak.gov.my
- 082-495 209 / 082-495 111
- SEKSYEN INTEGRITI  
UNIT INTEGRITI DAN AUDIT DALAM  
JABATAN HUTAN SARAWAK  
TINGKAT 15, SAYAP KIRI,  
BANGUNAN BAITUL MAKMUR II,  
MEDAN RAYA, PETRA JAYA,  
93050 KUCHING SARAWAK.

Rujukan :  
Polisi Pemberi Maklumat Jabatan Hutan Sarawak  
Keluaran 01 Pindaan 02

**POLISI PEMBERI MAKLUMAT**  
MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)

LAPORKAN SEBARANG PELANGGARAN TATAKELAKUAN YANG TELAH BERLAKU, SEDANG BERLAKU ATAU DISYAKI AKAN BERLAKU SEPERTI BERIKUT :

- 1. Rasuah
- 2. Penyalahgunaan kuasa
- 3. Percanggahan kepentingan
- 4. Ketidakpatuhan kepada polisi & prosedur
- 5. Penyelewengan
- 6. Tuntutan palsu

## PROGRAM KESEDARAN DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

Dalam membudayakan integriti di Jabatan, pelbagai program kesedaran dan pengukuhan integriti telah diadakan sepanjang tahun 2024 melibatkan semua kakitangan termasuk di Pejabat Hutan Wilayah seperti berikut :

TAHUN	SENARAI PROGRAM	TARIKH PROGRAM
2024	1. Program Kesedaran Integriti JHS di Wilayah Bintulu dan Miri	12-15.01.2024
	2. Mesyuarat Jawatankuasa Badan Tadbir Urus ABMS JHS, Bil1/2024	23.01.2024
	3. Program Knowledge Sharing bersama PHW Sri Aman	03.02.2024
	4. Taklimat Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)	15.02.2024
	5. Program Pengemaskinian Dokumen dalam Fail Klausu ABMS dan Jelajah (Program Kesedaran Integriti)	29.01-02.02.2024
	6. Pemantauan Pematuhan Etika dan Tatatertib di PHW, FOSCC dan FCS di Wilayah Bintulu	13-17.02.2024
	7. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JHS, Bil1./2024	19.03.2024
	8. Program Ethnics & Integrity Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Siri 1/2024	18-19.04.2024
	9. Program Do The Right Thing (DTRT) Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Siri 1/2024	18-19.04.2024
	10. Kursus Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPS) siri 2/2024	14.05.2024
	11. Kursus Understanding & Implementing Anti-Bribery Management System - MS ISO 37001:2016 Sesi 1	16-17.05.2024
	12. Kursus Understanding & Implementing Anti-Bribery Management System - MS ISO 37001:2016 Sesi 2	20-21.05.2024
	13. Kursus Anti-Bribery Management System (Internal Auditing Course) - MS ISO 37001:2016 Jabatan Hutan Sarawak	27-28.05.2024
	14. Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah / Corruption Risk Management Plan (CRM) Jabatan Hutan Sarawak	23-24.05.2024
	15. Program Do The Right Thing (DTRT) Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Siri 2/2024	23-24.05.2024
	16. Kursus SIRIM Lead Auditor ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)	10-14.06.2024
	17. Kursus Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPS) Siri 3/2024	20.06.2024
	18. Kursus Modul Integriti Penguat Kuasa Sarawak (MIPS) Siri 4/2024	16.07.2024
	19. Program Do The Right Thing (DTRT) Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Siri 3/2024	17-18.07.2024
	20. Program Ethnics & Integrity Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Siri 3/2024	17-18.07.2024
	21. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Jabatan Hutan Sarawak Bil. 1 Tahun 2024	31.07.2024
	22. Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti Jabatan Hutan Sarawak, Pejabat Hutan Wilayah Kuching 2024	06.08.2025
	23. Kursus Modul Integriti Penguatuasaan Sarawak (MIPS) Siri 5/2024	22.08.2024
	24. Program Pengukuhan Integriti dan Taklimat Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak (CRM JHS 2023-2025) Di Pejabat Hutan Wilayah Sibu	18-19.09.2024
	25. Mini Bengkel Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Pejabat Hutan Wilayah Bintulu	23-27.09.2024
	26. Program Kesedaran Integriti dan ABMS di Wilayah Bintulu	01.11.2024
	27. Hari Integriti JHS Tahun 2024	06.11.2024
	28. Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Jabatan Hutan Sarawak Bil. 2 Tahun 2024	07.11.2025

## PERLAFAZAN IKRAR INTEGRITI JHS



Perlafazan Ikrar Integriti semasa Hari Integriti Tahun 2023 Jabatan Hutan Sarawak pada 23 Ogos 2023 bertempat di Imperial Hotel, Miri .



Perlafazan Ikrar Integriti semasa Hari Integriti Tahun 2024 Jabatan Hutan Sarawak pada 06 November 2024 bertempat di Penview Convention Centre (PCC), Kuching.

Perlafazan Ikrar Integriti semasa Program Jelajah Integriti di PHW Kapit pada 30 Januari 2024.



### IKRAR INTEGRITI JABATAN HUTAN SARAWAK (INTEGRITY PLEDGE)

Kami warga kerja Jabatan Hutan Sarawak, dengan sesungguhnya berikrar, memantapkan dan memperkuuhkan maruah perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- I. Mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, dasar-dasar negeri dan negara serta mengamalkan Prinsip-prinsip Rukun Negara;
- II. Mematuhi sepenuhnya segala nilai-nilai murni dan kod etika Jabatan dalam melaksanakan tugas;
- III. Menolak dan tidak melibatkan diri dengan sebarang bentuk jenayah, salah guna kuasa dan penyelewangan secara langsung dan tidak langsung dengan mana-mana pihak yang berurus dengan Jabatan Hutan Sarawak;
- IV. Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan yang tidak berintegriti;
- V. Mengambil tindakan tegas dengan melaporkan mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara kepada pihak yang berwajib;
- VI. Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.

### Perbandingan Pengisian Ikrar Integriti Berbanding Tahun Sebelumnya

TAHUN	JUMLAH KAKITANGAN	JUMLAH PENGISIAN IKRAR INTEGRITI	% PENGISIAN IKRAR INTEGRITI
2021	1003	607	60.5
2022	988	952	96.4
2023	979	978	99.9
<b>2024</b>	<b>1074</b>	<b>1074</b>	<b>100.0</b>

Jadual menunjukkan perbandingan peratusan Ikrar Integriti bagi tahun 2021 sehingga tahun 2024. Tahun 2024 mencatatkan pencapaian tertinggi serta kepatuhan penuh dengan pengisian sebanyak 100% berbanding tahun-tahun sebelumnya.



# PENSIJILAN MS ISO 37001:2016

## ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)




MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) merupakan standard antarabangsa yang menyediakan rangka kerja untuk membantu organisasi mencegah, mengesan dan menangani risiko rasuah secara sistematis.

Kejayaan Jabatan Hutan Sarawak (JHS) dalam mendapatkan pensijilan ini menunjukkan komitmen JHS dalam memperkuuh integriti, tadbir urus yang baik dan pematuhan terhadap undang-undang berkaitan antirasuah.



JHS telah berjaya mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS dengan nombor pensijilan ABMS 00340 bagi tempoh tiga tahun bermula pada 29 Julai 2024 sehingga 28 Julai 2027.

Sijil MS ISO 37001:2016 ABMS JHS telah disampaikan oleh pihak SIRIM kepada Ybhg Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak sempena Majlis Amanat Perdana Integriti (MAP-I 2024).



CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO.: ABMS 00340



## CERTIFICATE



ACB 001



SIRIM QAS International hereby certifies that

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK  
LEVEL 11-15, BANGUNAN BAITUL MAKMUR II  
MEDAN RAYA, PETRA JAYA  
93050 KUCHING  
SARAWAK  
MALAYSIA**

has implemented an Anti-Bribery Management Systems complying with

**ISO 37001:2016  
MS ISO 37001:2016  
ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS WITH GUIDANCE FOR USE**

Scope of Certification

**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS FOR FOREST MANAGEMENT AND REGULATORY SERVICES INCLUDES:**

- 1) APPLICATION OF LICENSE.
- 2) APPLICATION OF PERMIT TO ENTER COUPE (PEC).
- 3) TIMBER ROYALTY ASSESSMENT.
- 4) ENFORCEMENT ACTIVITIES OF FORESTS ORDINANCE 2015 & OTHER FOREST REGULATIONS.
- 5) CORPORATE SUPPORT SERVICES.

*Certification structure = Multi-site  
Total number of sites including main site = 6*

Issue date : 29 July 2024  
Original certification date : 29 July 2024  
Expiry date : 28 July 2027  
Certificate no. : ABMS 00340

**Nur Fadilah Muhammad**  
Chief Executive Officer  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
(Co. No. 1998001027881 (11232-X))  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, P.O. Box 7035  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel : 60-3-55496000  
<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malaysiacertified.com.my>

<http://www.malaysiacertified.com.my>



CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK  
REGIONAL FOREST OFFICE KAPIT  
PT 1, GARDEN, KOMPLEKS KERJA RAYA  
JALAN BUKIT  
HELI KART  
SARAWAK  
MALAYSIA**

has implemented an Anti-Bribery Management System

ISO 37001:2016

MS ISO 37001:2016

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS WITH GUIDANCE FOR USE

Scope of Certification

**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS FOR FOREST MANAGEMENT AND REGULATORY SERVICES INCLUDES:**

- 1) APPLICATION OF LICENSE.
- 2) TIMBER ROYALTY ASSESSMENT.
- 3) ENFORCEMENT ACTIVITIES OF FORESTS ORDINANCE 2015 & OTHER FOREST REGULATIONS.
- 4) CORPORATE SUPPORT SERVICES.

Certification structure = Multi-site

The validity of this certificate depends on the validity of the main site certificate.

Issue date : 29 July 2024

Original certification date : 29 July 2024

Expiry date : 28 July 2027

Certificate no. : ABMS 00340-01

*Nur Fadilah Muhammad*

Chief Executive Officer

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.



CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK  
REGIONAL FOREST OFFICE KAPIT  
PT 1, GARDEN, KOMPLEKS KERJA RAYA  
JALAN BUKIT  
HELI KART  
SARAWAK  
MALAYSIA**

has implemented an Anti-Bribery Management System

ISO 37001:2016

MS ISO 37001:2016

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS WITH GUIDANCE FOR USE

Scope of Certification

**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS FOR FOREST MANAGEMENT AND REGULATORY SERVICES INCLUDES:**

- 1) APPLICATION OF LICENSE.
- 2) TIMBER ROYALTY ASSESSMENT.
- 3) ENFORCEMENT ACTIVITIES OF FORESTS ORDINANCE 2015 & OTHER FOREST REGULATIONS.
- 4) CORPORATE SUPPORT SERVICES.

Certification structure = Multi-site

The validity of this certificate depends on the main site certificate.

Issue date : 29 July 2024

Original certification date : 29 July 2024

Expiry date : 28 July 2027

Certificate no. : ABMS 00340

*Nur Fadilah Muhammad*

Chief Executive Officer

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.



CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK  
REGIONAL FOREST OFFICE KAPIT  
PT 1, GARDEN, KOMPLEKS KERJA RAYA  
JALAN BUKIT  
HELI KART  
SARAWAK  
MALAYSIA**

has implemented an Anti-Bribery Management System

ISO 37001:2016

MS ISO 37001:2016

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS WITH GUIDANCE FOR USE

Scope of Certification

**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS FOR FOREST MANAGEMENT AND REGULATORY SERVICES INCLUDES:**

- 1) APPLICATION OF LICENSE.
- 2) TIMBER ROYALTY ASSESSMENT.
- 3) ENFORCEMENT ACTIVITIES OF FORESTS ORDINANCE 2015 & OTHER FOREST REGULATIONS.
- 4) CORPORATE SUPPORT SERVICES.

Certification structure = Multi-site

The validity of this certificate depends on the main site certificate.

Issue date : 29 July 2024

Original certification date : 29 July 2024

Expiry date : 28 July 2027

Certificate no. : ABMS 00340

*Nur Fadilah Muhammad*

Chief Executive Officer

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.



CERTIFICATE

SIRIM QAS International hereby certifies that

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK  
INDUSTRIAL FOREST TERRACE CENTER (IFTC)  
KM 25, JALAN PUNCAK BORNEO  
TAMAN SARAWAK  
PUSAT PENGEMBANGAN  
SARAWAK  
MALAYSIA**

has implemented an Anti-Bribery Management System

ISO 37001:2016

MS ISO 37001:2016

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS WITH GUIDANCE FOR USE

Scope of Certification

**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS FOR FOREST MANAGEMENT, REGULATORY SERVICES & CORPORATE SUPPORT SERVICES**

Certification structure = Multi-site

The validity of this certificate depends on the validity of the main site certificate.

Issue date : 29 July 2024

Original certification date : 29 July 2024

Expiry date : 28 July 2027

Certificate no. : ABMS 00340-06

*Nur Fadilah Muhammad*

Chief Executive Officer

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.

PENERIMA ANUGERAH EMAS

## JABATAN HUTAN SARAWAK

# ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) TAHUN 2023

Jabatan Hutan Sarawak telah berjaya mendapat Anugerah Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA). Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya pada 29 Februari 2024.

AIGA merupakan anugerah yang dibangunkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi tujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan sektor swasta di Malaysia dalam menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti serta tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi mereka.



# HARI INTEGRITI JABATAN HUTAN SARAWAK TAHUN 2024

Sambutan Hari Integriti Jabatan Hutan Sarawak Tahun 2024 dengan tema “ Integriti Dalam Pengurusan Hutan : Hutan Kita, Tanggungjawab Kita” telah diadakan pada 06 November 2024.

Hari Integriti Jabatan Hutan Sarawak Tahun 2024 telah disempurnakan oleh YBhg Datu Hii Chang Kee, Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Operasi). Turut hadir bersama adalah Puan Hajah Hairani binti Mohamad Ismail, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli (MUDeNR), Tuan Haji Happysupina bin Sait, Timbalan Pengarah Hutan (Konservasi Hutan dan Pembangunan), Encik Semilan anak Ripot, Timbalan Pengarah Hutan, (Pembangunan Hutan), dan Encik Wan Hipni bin Wan Mohamad, Ketua Penolong Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak.



# **KURSUS PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN**

**[ *UNDERSTANDING & IMPLEMENTING (U&I)* ]**

**MS ISO 37001:2016**

## ***ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)***

### **SESI 1 & SESI 2**

Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan (*Understanding & Implementing (U&I)*) *Anti-Bribery Management System (ABMS)* Sesi 1 & Sesi 2 telah diadakan pada 16-17 Mei 2024 dan 20-21 Mei 2024 bertempat di UCSI Hotel, Kuching.




Peserta terdiri daripada kakitangan Jabatan Hutan Sarawak, yang mana sesi 1 mencatatkan kehadiran 30 orang peserta manakala sesi 2 mencatatkan kehadiran seramai 24 orang peserta.



# **TAKLIMAT GARIS PANDUAN PENGURUSAN HADIAH UNTUK PANS**

Satu sesi Taklimat Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil. 1 Tahun 2020 telah diadakan pada 15 Februari 2024 dengan jumlah peserta seramai 20 orang yang terdiri daripada pegawai seranta serta wakil daripada semua bahagian/ unit/ Pejabat Hutan Wilayah.

Penceramah adalah Puan Noraini binti Abu Bakar, Pegawai Tadbir (N41) daripada Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS).



# **BENGKEL PEMANTAPAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH**

**[CORRUPTION RISK MANAGEMENT PLAN (CRM)]**

## **JABATAN HUTAN SARAWAK TAHUN 2023-2025**

Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management (CRM)*) Tahun 2023-2025 Jabatan Hutan Sarawak telah diadakan pada 23-24 Mei 2024 bertempat di Raia Hotel, Kuching dengan penyertaan peserta seramai 50 orang yang terdiri daripada wakil daripada setiap Bahagian/ Unit/ Pejabat Hutan Wilayah.

Penceramah / Fasilitator jemputan adalah Penolong Pesuruhjaya, Tn. Othman bin Anyan dan Penguasa Kanan, Tn. Mohd Hamzah bin Abdullah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Kuching.



# **PROGRAM JELAJAH INTEGRITI DI PEJABAT-PEJABAT HUTAN WILAYAH**

Program Jelajah  
Integriti di PHW Bintulu  
pada 12 Januari 2024.



Program Jelajah  
Integriti di PHW Miri  
pada 15 Januari 2024.



Program Jelajah  
Integriti di PHW Kapit  
pada 30 Januari 2024.



# **PROGRAM JELAJAH INTEGRITI DI PEJABAT-PEJABAT HUTAN WILAYAH**



Program Jelajah  
Integriti di PHW Sri  
Aman pada 03  
Februari 2024.



Program Jelajah  
Integriti di PHW  
Kuching pada 06  
Ogos 2024.



Program Jelajah  
Integriti di PHW Sibu  
pada 15 Oktober  
2024.

# PROGRAM KNOWLEDGE SHARING IIA BERSAMA PHW SRI AMAN

Pada 03 - 04 Februari 2024, PHW Sri Aman telah menjemput pegawai daripada IIA bagi program knowledge sharing berkenaan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) dan pengenalan kepada Unit Audit Dalam.

Antara pengisian lain adalah seperti perlafazan Ikrar Integriti JHS, kuiz pemahaman integriti melalui *Kahoot Games* dan sukaneka.



Ceramah bertajuk "Perkembangan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS)" telah disampaikan oleh Cik Linda Nirwana Caroline, Pegawai Tadbir, N41 di Seksyen Integriti.



Taklimat "Pengenalan Kepada Unit Audit Dalam" telah disampaikan oleh Encik Moliadi bin Macha, Pemelihara Hutan, G41 daripada Seksyen Audit Dalam.



Perlafazan Ikrar Integriti Jabatan Hutan Sarawak yang diketuai oleh Encik Mohammad Fadzli bin Mahruf, Pengawas Hutan, G19.



Kuiz berkaitan kandungan ceramah dilaksanakan menerusi Kahoot Games di mana peserta perlu menyertai permainan tersebut menerusi telefon pintar masing-masing.

# **PROGRAM KNOWLEDGE SHARING IIA BERSAMA PHW SRI AMAN – SUKANEKA**



Pejabat Hutan Wilayah Sri Aman telah dibahagikan kepada tiga pasukan iaitu Pasukan Kuning, Hijau dan Unggu. Acara yang dipertandingkan adalah seperti passing tepung ke belakang, menukul paku pada kayu, tarik tali berkumpulan, passing gelang getah menggunakan straw, masukkan pen ke dalam botol, berlari berganti-ganti dalam guni, passing belon berisi air ke belakang dan membawa bola ping pong dalam sudu.



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld. 29 (21)  
Tarikh : 22 Jamadilawal 1445H  
5 Disember 2023

Pengarah  
Jabatan Hutan Sarawak  
Tingkat 15, Sayap Kiri  
Bangunan Baitul Makmur II  
Medan Raya, Petra Jaya  
93050 Kuching, Sarawak

YBhg. Tan Sri /Datuk Sri /Dato' Sri /Datuk /Dato' /Tuan /Puan,

**PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 –  
JABATAN HUTAN SARAWAK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekelingiling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana Jabatan Hutan Sarawak telah ditarafkan sebagai risiko **TINGGI**.

3. Berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Hutan Sarawak sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapat Jabatan Hutan Sarawak dikategorikan sebagai risiko **RENDAH**.

4. Suruhanjaya ini merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak Jabatan Hutan Sarawak di atas komitmen yang telah dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah di Jabatan Hutan Sarawak sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan sedemikian. Pihak SPRM juga berharap agar komitmen yang sama dapat diteruskan dalam usaha mengurangkan risiko rasuah pada masa akan datang.

**"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"**

# STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO RASUAH TAHUN 2023

Penarafan risiko rasuah terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 dimana JHS telah ditarafkan sebagai risiko **TINGGI**.

Pada tahun 2023, JHS telah menghantar semula maklumat kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi proses penarafan semula risiko rasuah.

Hasil daripada penarafan semula risiko rasuah tersebut, JHS telah dikategorikan sebagai risiko **RENDAH**.




Penarafan risiko  
rasuah 2020



Penarafan risiko  
rasuah 2023

## INTEGRITI DALAM PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



- **Hindari :**

1. Membuat sebarang **pernyataan awam tanpa kebenaran**.
2. **Komen** atau membuat **pernyataan isu-isu** yang boleh **menjejaskan imej dan dasar Kerajaan**.
3. **Menyebarluaskan** maklumat **berbentuk fitnah dan hasutan serta berbaur lucah**.
4. **Memprovokasi** sesuatu yang **menyalahi peraturan dan undang-undang**.
5. **Berkongsi** perkara yang menyentuh **sensitiviti** individu atau kumpulan tertentu.

Rujukan :

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan (Perj. Bil. 5 / 2014) – “ Tanggungjawab Pegawai Awam Dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial dan Internet”.



## SEKSYEN AUDIT DALAM

# 02



# AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN SEKSYEN AUDIT DALAM TAHUN 2024

BIL	JENIS AKTIVITI	TARIKH
1.	Pengauditan SCS Balance Scorecard JHS (Audit Dalam) – Skop tahun 2023	26-28.02.2024
2.	Audit Pematuhan SOP Rantai Bekalan Balak (CoC) JHS serta Kawalan Tatatertib di Kawasan PHW dan FCS bersama Bahagian Hasil dan Pengurusan Data, Unit Integriti dan Unit Audit Dalam JHS a) Miri b) Bintulu c) Kapit	26.01 - 07.02.2024 20.02 - 07.03.2024 01 - 17.10.2024
3.	Audit Dalam MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) di Ibu Pejabat JHS, RDD, PHW Kapit dan FOSCC Mabong	24.06 - 05.07.2024
4.	Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Ibu Pejabat JHS	15 - 21.08.2024
5.	Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Quality Management System (QMS)	15 - 22.10.2024
6.	Sesi taklimat Program FLR JHS dan UAD, JPS 17 Mei 2024. Kunjungan hormat Mantan Pengarah UAD, JPS YBrs. (YBrs Puan Toleyah binti Haji Tioh, Puan Saniah Binti Abdul Kadir (Ketua Penolong Pengarah))	17.05.2024
7.	Menyelaras Audit Eksternal UAD JPS ke atas Program Restorasi Lanskap Hutan di JHS" termasuk audit lapangan di kawasan: a) PHW Sibu b) PHW Limbang / Lawas c) PHW Miri d) PHW Sri Aman e) PHW Kuching/ Lundu f) Sabal FR	11 - 17.08.2024 01 - 04.09.2025 07 - 11.10.2025 17 - 19.11.2024 25.11.2024 (IFRC) & 21.11.2024 (Lundu) 20 - 21.11.2024
8.	Audit Dalam Keselamatan Perlindungan dan Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan (JKP dan JKKP) a) Ibu Pejabat JHS b) Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (RDD) c) Industrial Forest Research Centre (IFRC)	05 - 09.08.2024
9.	Menganjur dan mengurus kursus-kursus berkaitan ABMS seperti berikut: a) Kursus Internal Auditing MS ISO 37001:2016 di RAIA Hotel & Convention Centre telah dilaksanakan pada 27-28 Mac 2024. b) Programme SIRIM Lead Auditor Course ISO 37001:2016 di Shah Alam	20 - 21.05.2024 10 - 14.06.2024
10.	a) Jemputan perkongsian ilmu Seksyen Audit Dalam bersama RFO Sri Aman pada tahun 2024. b) Taklimat berkaitan Tugas & Tanggungjawab Unit Integriti dan Audit Dalam bersama RFO Sibu pada tahun 2024.	01.07.2024
11	a) Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parliment Kelima Belas BIL10(C) Tahun 2023 – Audit Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar pada 29 Januari 2024 Di blok Utama Bangunan Parliment, Kuala Lumpur b) Prosiding Tindakan Susulan Berhubung Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR.20/2024) pada 24.10.2024 di Bangunan Parliment, Kuala Lumpur c) Prosiding Tindakan Susulan Terhadap Syor-syor Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berhubung Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR.20/2024) di Bangunan Parliment pada 14 Oktober 2024	29.01.2024 24.10.2024 14.10.2024
12	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Negeri Sarawak ke-56 : Audit Khas Pengurusan Hutan & Impak kepada Alam Sekitar pada 20 Mac 2024 di DUN Sarawak	20 Mac 2024
13	Lawatan Verifikasi Prosiding PAC Parliment DR.20/2024: Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar ke Sarawak oleh MOF dan NRES pada 4 - 5 September 2024	4 - 5 September 2024
14	Penyelaras input maklumbalas AG's Dashboard JAN: a) 10 isu yang dibangkit di dalam AG's dashboard berdasarkan penemuan LKAN, Pengurusan Hutan dan Impak Alam Sekitar, 2021, Siri 2	Selesai pada 10.12. 2024

# Audit Pematuhan SOP Rantai Bekalan Balak (CoC) JHS serta Kawalan Tatatertib di Kawasan PHW dan FCS bersama Bahagian Hasil dan Pengurusan Data dan Unit Integriti dan Unit Audit Dalam JHS

Program audit pematuhan SOP Rantaian Bekalan Balak (CoC) serta Kawalan Tatatertib di PHW Miri (26 Januari hingga 7 Februari 2024), Bintulu (20 Februari - 7 Mac 2024) dan Kapit (1 Oktober - 17 Oktober 2024) (sambungan daripada program yang sama pada tahun 2023).

Program audit ini adalah kerjasama dan penglibatan bersama daripada Bahagian Hasil dan Pengurusan Data (RDMD) dan Unit Integriti dan Unit Audit Dalam (IIA).



Objektif program ini:

- Menilai prestasi penyampaian perkhidmatan operasi hasil dan fungsi di Pejabat Hutan Wilayah khususnya di FOSCC dan FCS;
- Mengumpul dan menganalisa data pengurusan di PoRM, CDC dan Transit Logpond oleh pihak pelesen di bawah pengurusan FOSCC; dan
- Menilai pematuhan dan kawalan tatatertib dan etika warga kerja Jabatan Hutan Sarawak dalam menjaga imej Jabatan semasa menjalankan tugas rasmi di PHW, FoSCC dan FCS.

# **Audit Dalam MS ISO 37001:2016**

## ***Anti-Bribery Management System (ABMS)***

## **HQ & Kapit**

Audit Dalam ke atas Pelaksanaan MS ISO 37001: 2016 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS) telah dilaksanakan di Ibu pejabat JHS dan di PHW Kapit serta di FOSCC Melatai dan FOSCC Mabong pada 24 Jun hingga 5 Julai 2024.



### **OBJEKTIF AUDIT**

**1**

Menilai pemantauan, prestasi, pengukuran pemahaman warga kerja terhadap Manual MS ISO 37001:2016 dan semakan terhadap objektif dan sasaran utama ABMS Jabatan.

**2**

Untuk menilai sama ada kawalan operasi serta proses pelaksanaan ABMS di JHS mencapai tahap keberkesanannya dan semakan ke atas sistem pengurusan, tanggungjawab terhadap dasar organisasi telah disediakan dan dikekalkan.

**3**


Untuk menilai tindakan pembetulan ke atas penemuan audit dalam dan audit luar telah diambil tindakan.



# AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015

## **QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (QMS)**

Objektif pengauditan ini dijalankan adalah seperti berikut:



# Lawatan Pengauditan Program Restorasi Lanskap Hutan (FLR) oleh Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak



Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak telah menjalankan Pengauditan ke atas Program Restorasi Lanskap Hutan (FLR) diurus oleh Jabatan Hutan Sarawak.



Objektif audit ini adalah :

- Menentukan sama ada Program RLH telah diurus dengan cekap, berhemah dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk memulihkan dan memulihara hutan yang terdegradasi, terutamanya di Ladang Hutan Kekal dan Hutan Tanah Sarawak

Bahagian Restorasi dan Hutan Industri (RIFD) bersama dengan Seksyen Audit Dalam dan Pejabat Hutan-Hutan Wilayah (PHW) di Sarawak telah menyelaras perjalanan dan memastikan pengauditan yang dijalankan oleh pihak UAD, JPS berjalan dengan lancar.



# Audit Dalam KP dan KKP di Ibu Pejabat JHS, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (RDD) dan *Industrial Forest Research Centre* (IFRC)



Audit Dalam ke atas Dalam Keselamatan Perlindungan (KP) dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) telah dijalankan bagi memastikan sama ada organisasi memelihara tahap keselamatan perlindungan di peringkat Jabatan sentiasa mematuhi Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dalam melaksanakan komitmen dan tadbir urus yang meliputi enam (6) komponen utama seperti di dalam Buku Arahan Keselamatan tersebut.



# **Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Kelima Belas Bil. 10(c) Tahun 2023 – Auditan Khas Pengurusan Hutan & Impak Kepada Alam Sekitar**

Jabatan Hutan Sarawak telah menghadiri dua siri prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Kelima Belas (DR.20/2024) di Kuala Lumpur pada 12 Disember 2023 dan 6 Februari 2024. Prosiding ini adalah ke atas Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar yang telah dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN 2022- Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar).

Jabatan Hutan Sarawak bagi pihak Kerajaan Sarawak telah berjaya membentangkan dan berupaya memberi maklum balas ke atas isu-isu yang berkaitan dengan hutan di Sarawak yang telah dibangkitkan di dalam LKAN tersebut.

Agensi yang turut terlibat dalam prosiding ini adalah daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan pelbagai agensi di bawah NRECC.



# **Lawatan Verifikasi Prosiding PAC Parlimen DR.20/2024: Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar ke Sarawak oleh MOF dan NRES**

Sehubungan dengan laporan Prosiding PAC Parlimen DR.20/2024, pihak Kementerian Kewangan (MOF) dan NRES telah membuat lawatan bagi verifikasi ke atas beberapa tindakan susulan bagi syor prosiding tersebut.




# **Prosiding Tindakan Susulan Berhubung Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR.20/2024)**



Beberapa siri prosiding tindakan susulan ekoran daripada Prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Kelima Belas Bil. 10 (c) tahun 2023 – Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam sekitar telah berlangsung pada 14.10.2024 dan 20.10.2024 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.



# AG's Dashboard JAN



Laman Utama Pengguna / Log Keluar

DASHBOARD PENGGUNA

2021 Siri 2

Jumlah Penemuan Keseluruhan	Tiada Tindakan	Dalam Tindakan	Selesai
10	0	0	10

## Penyelaras input maklum balas AG's Dashboard JAN

Jumlah Penemuan Keseluruhan

10

10 isu yang dibangkit di dalam AG's dashboard berdasarkan penemuan LKAN, Pengurusan Hutan dan Impak Alam Sekitar, 2021, Siri 2.

Selesai

10

10 Isu dibangkit, dan telah selesai semuanya pada 10 Disember 2024.


# KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

## PERINTAH-PERINTAH AM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI, 1996

Perintah Am ini mentakrifkan "keterhutangan kewangan yang serius" sebagai keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, dengan mengambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius terhadap dirinya.

### Perintah Am 161 (1) :

Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa jua cara pun menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.



### Kesan Keterhutangan Kewangan Yang Serius :


Keterhutangan kewangan yang serius boleh disifatkan sebagai salah laku atau pelanggaran tatatertib yang menyebabkan seseorang pegawai awam dibuang kerja atau diturunkan pangkat.



**Ingin menyumbang artikel atau  
bahan berkaitan integriti ?  
Sumbangan anda amatlah dialu-  
alukan.**



Karya anda boleh dihantar terus ke  
emel :  
[integritijhs@sarawak.gov.my](mailto:integritijhs@sarawak.gov.my)



Naik perahu ke seberang titi,  
Menghantar bekal di waktu pagi,  
Buletin ini lambang dedikasi,  
Terima kasih atas sokongan diberi.

Bunga melati di atas dulang,  
Disusun rapi indah berseri,  
Semoga info jadi pedoman,  
Menyuluh jalan teguh berbakti.

Tanam serai di tanah rata,  
Siram selalu agar subur sentiasa,  
Terima kasih atas nilai integriti,  
Bersama kita bina budaya kerja mulia.

Cahaya mentari menyinar bumi,  
Mewarnai hari dengan harapan tinggi,  
Buletin ini bukan sekadar isi,  
Tapi cerminan jati diri sejati.





## **JABATAN HUTAN SARAWAK**

Level 15, East Wing Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak

<https://forestry.sarawak.gov.my/>